

## Program sambut Tahun Baru Channel 5 mengecewakan

KAMI kecewa dengan produksi MediaCorp TV – *Celebrate TV50* – yang disiarkan di televisyen pada malam Tahun Baru.

Acara ini kebanyakannya menonjolkan penggunaan bahasa Mandarin walaupun disiarkan di saluran televisyen utama bahasa Inggeris di Singapura.

Walaupun terdapat dwisiaran di Channel 5 dan Channel 8, dan memandangkan penonton Channel 5 terdiri daripada pelbagai kaum, kami percaya program itu tidak sesuai dijalankan secara dwibahasa.

Ia sepatutnya dijalankan hanya dalam bahasa Inggeris, atau jika Mandarin digunakan, bahasa rasmi lain – Melayu dan Tamil – juga digunakan bagi menggambarkan masyarakat berbilang budaya Singapura.

Sebagai saluran bahasa Inggeris percuma utama, Channel 5 mempunyai tanggungjawab sosial bagi memastikan perwakilan kaum dalam produksinya.

Ini juga selaras dengan peranan yang dijangka daripadanya dalam pembangunan negara dalam masyarakat majmuk dan berbilang kaum Singapura.

Seterusnya, kami menjangka MediaCorp lebih prihatin dalam memastikan kaum lain diwakili sewajarnya dalam acara serupa itu pada masa akan datang.

► **AZMOON AHMAD**  
Pengerusi, Kumpulan AMP